

# Bebas daging babi belum tentu halal

## >DARI MUKA 1

Katanya, apabila ini berlaku sudah pasti mereka mengunjungi restoran berkenaan akibat terlepas pandang oleh pihak berkuasa.

"Saya berharap perkara ini diatasi segera bagi mengelakkan timbul masalah di kemudian hari atau peniaga terbabit terus menggunakan logo berkenaan untuk meyakinkan pengguna Islam," katanya.

Sementara itu, pengguna lain, Mohd Sukri Abdullah, 26, berkata perkara ini amat serius dan perlu dibanteras segera bagi membolehkan orang Islam memilih premis menjual makanan yang diiktiraf halal.

Katanya, terdapat banyak restoran terutama di pusat beli-belah, tetapi pengguna hanya yakin restoran itu halal sekiranya ia dipamerkan logo mengenainya.

"Di samping itu, pihak berkuasa perlu memberi penerangan konsep makanan halal mengikut hukum syarak terhadap pengusaha makanan bukan semata-mata premis mereka bebas menjual daging babi.

"Ada pihak menggunakan tanda perniagaan mereka bebas babi, tetapi hakikatnya mereka tidak mengetahui sumber atau bahan yang diadun dalam makanan itu halal atau tidak perlu juga diambil kira," katanya.

Sementara itu, Pengarah

***"Kami akan arah pemilik terbabit menurunkan logo halal selain dikeluarkan Jakim sekurang-kurangnya sehingga penghujung tahun ini"***

>Datuk Mohd Zin Mansor

Jabatan Agama Islam Melaka (Jaim), Datuk Mohd Zin Mansor berkata, pihaknya akan mengarahkan pemilik premis terbabit menurunkan logo halal selain dikeluarkan Jakim sekurang-kurangnya sehingga penghujung tahun ini.

Katanya, sekiranya ia masih digunakan mereka, pihaknya akan melakukan operasi bagi menurunkan logo halal berkenaan.

"Peniaga atau pengusaha makanan yang menggunakan logo halal selain dikeluarkan Jakim mereka diminta membuat permohonan untuk mendapatkan pengiktirafan halal dari Jakim.

"Sekiranya mereka masih menggunakan logo yang tidak diiktiraf tindakan diambil terhadap mereka," katanya.